

MT mahu MCA pecat dua ADUN

UM 30 NOV 2002

KUALA LUMPUR 29 Nov. — Majlis Tertinggi (MT) UMNO mahu MCA memecat kedua-dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada parti itu yang mengambil sikap berkecuali ketika mengundi usul DAP pada persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang minggu lalu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagaimanapun berkata, keputusan muktamad untuk memecat kedua-dua ADUN itu akan diputuskan oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN).

“Kita berpendapat mereka itu perlu dipecat dan perkara ini perlu diputuskan oleh BN,” katanya yang juga Pengerusi BN kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Ibu Pejabat parti itu di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada MT UMNO membuat sebarang keputusan berhubung tindakan terhadap kedua-dua ADUN yang dianggap melakukan kesalahan serius itu.

Pada persidangan Dewan Undangan Negeri 21 November lalu, ADUN Datuk Keramat, Lim Boo Chang dan ADUN Jawi, Tan Cheng Liang mengambil keputusan berkecuali ketika pengundian usul yang dibawa oleh Law Heng Kiang (DAP-Batu Lanchang) untuk menangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, MCA perlu memecat kedua-dua ADUN terbabit tetapi menyerahkan keputusan tersebut kepada parti komponen kedua terbesar dalam BN itu untuk mengambil tindakan.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri sekali lagi mengingatkan tindakan disiplin termasuk dipecat akan dikenakan kepada ahli UMNO yang membuat laporan polis terhadap ahli UMNO yang lain.

Menurut beliau, Jawatankuasa Disiplin akan memanggil ahli yang membuat laporan polis itu untuk mendapatkan penerangan sebelum dikenakan tindakan.

“Kalau ada laporan polis dibuat terhadap ahli UMNO lain atas masalah parti, maka MT akan mengarahkan Jawatankuasa Disiplin memanggil ahli tersebut dengan tujuan mendapat penerangan dan mungkin tindakan disiplin diambil termasuk dipecat,” tegasnya.